

09/11/2003

Arahan Washington boleh jejas kemasukan pelancong

Zainuddin Isa; Suzianah Jiffar

PEKAN: Malaysia semalam mengkritik Amerika Syarikat kerana mengeluarkan amaran mengenai keselamatan kepada rakyatnya di negara ini dan menjelaskan keselamatan di Malaysia adalah terkawal.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Razak berkata, arahan Washington supaya rakyatnya mengelak daripada melancong ke Sabah berikutan insiden penculikan baru-baru ini adalah tidak wajar.

Katanya, nasihat perjalanan terbaru Amerika Syarikat itu boleh menjejaskan sektor pelancongan dan imej Malaysia secara keseluruhannya.

"Sejak kerajaan menempatkan anggota tentera dan polis di perairan Sabah, kita lihat tempat tumpuan pelancong asing seperti Sipadan, tiada perkara yang tidak diingini berlaku.

"Insiden penculikan baru-baru ini disebabkan resort berkenaan beroperasi tanpa kelulusan dan pengurusannya tidak memaklumkan kepada pihak berkuasa bahawa mereka menjalankan perniagaan di situ," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan bantuan Ramadan dan berbuka puasa di Masjid Felda Chini 2, dekat sini, semalam.

Najib berkata, kerajaan Malaysia sudah melaksanakan usaha bersungguh-sungguh untuk membanteras kegiatan pengganas dan militan yang boleh menggugat keselamatan negara, termasuk di perairan Sabah.

Malah, katanya, sejak Ops Pasir membabitkan penempatan anggota tentera di perairan Sabah dua tahun lalu, wujud kawalan keselamatan yang amat baik, terutama kepada pelancong dan pelawat yang berkunjung ke Sabah.

Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd Shafie Apdal, berkata arahan perjalanan terkini yang dikeluarkan Amerika Syarikat, Jumaat lalu tidak berasas kerana keadaan di negara ini selamat, termasuk di Sabah.

Katanya, amaran Amerika Syarikat itu boleh mengurangkan kemasukan pelancong asing walaupun ketika ini, masih ramai yang bercuti dan memenuhi pantai negara ini terutama di Sabah.

"Kami sudah memperbaiki kawalan keselamatan dan ketika ini saya dalam perjalanan untuk pergi memancing di tengah laut di perairan Sabah, tidak ada apa yang perlu dibimbangkan," katanya kepada AFP, semalam.

Minggu lalu, Amerika Syarikat menyatakan kebimbangannya mengenai keselamatan rakyatnya di Malaysia terutama di Sabah dan mengeluarkan amaran mengenai keselamatan mereka yang dianggap terdedah kepada kegiatan kumpulan pengganas di Asia Tenggara.

Nasihat perjalanan itu memberi amaran kepada rakyat Amerika Syarikat supaya mengelak berkunjung ke Sabah, selain ancaman daripada kumpulan Jemaah Islamiah (JI) yang sebelum ini didakwa terbabit dalam serangan bom sebuah kelab malam di Bali, Indonesia.

Dokumen yang dikeluarkan Amerika Syarikat itu adalah pengumuman pertama sejak persaraan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Amaran itu dibuat enam bulan selepas enam rakyat Indonesia dan pekerja Filipina diculik dari pusat peranginan di perairan Timur Sabah dekat Semporna.

Shafie yang juga Ahli Parlimen Semporna berkata, amaran Amerika Syarikat yang menakutkan rakyatnya itu tidak akan membantu memperbaiki kawalan keselamatan di rantau ini.

"Mereka sepatutnya berhenti bercakap, sebaliknya Amerika Syarikat wajar membangunkan selatan Filipina kerana ia boleh membantu menangani masalah kemiskinan yang sekali gus menyekat serangan pengganas merentasi sempadan," katanya.

Beliau yang tidak menafikan berlakunya kegiatan lanun, berkata kumpulan itu boleh disamakan dengan perompak di Amerika Syarikat.

"Di Pentagon juga tidak selamat," katanya sambil menyingkap kejadian 11 September membabitkan bangunan ibu pejabat keselamatan Amerika Syarikat itu dirempuh kumpulan penganas yang ada kaitan dengan al-Qaeda.

Sementara itu di Kota Kinabalu, Ketua Menteri, Datuk Musa Aman meminta pelancong, khususnya dari luar negara yang ingin berkunjung ke Malaysia termasuk ke Sabah agar tidak berasa kkuatir dengan tahap keselamatan di negeri ini.